

09 NOV 1999

OPS BASMI FITNAH PERANGI FITNAH PEMBANGKANG SECARA AGRESIF

KOTA KINABALU, 9 Nov (Bernama) -- Anggota Majlis Tertinggi Umno Datuk Mohamed Salleh Tun Said berkata Operasi Membasmi Fitnah yang dilancarkan Umno, merupakan usaha parti untuk bertindak balas secara agresif dan menyeluruh dalam memerangi fitnah yang dilemparkan pembangkang.

Sejak akhir-akhir ini, pembangkang begitu berleluasa menaburkan pembohongan dan menyelewengkan fakta sehingga banyak pihak yang percaya serta menganggap kerajaan melakukan banyak perkara yang tidak betul, katanya pada perjumpaan pemantapan jentera pilihan raya Barisan Nasional (BN) di Kota Belud.

Mohamed Salleh berkata walaupun kempen penerangan sebelum ini telah dilaksanakan bagi memberikan penjelasan tentang fitnah yang ditaburkan pembangkang, namun ia dipertingkatkan selepas pelancaran operasi berkenaan.

Operasi itu dilancarkan Perdana Menteri yang juga Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai susulan kepada keputusan MT bulan lepas untuk memerangi secara besar-besaran fitnah yang disebarkan pembangkang.

Operasi itu juga dikenali sebagai Ops 7M bagi memerangi tujuh perkara - memfitnah, membohong, memaki hamun, mencarut, membenci orang lain, menimbulkan buruk sangka dan menghasut.

Mohamed Salleh yang juga anggota Dewan Undangan Negeri Usukan berharap rakyat tidak terpengaruh dengan fitnah dan pembohongan pembangkang terutama yang menyentuh pemimpin utama negara.

-- BERNAMA

HAK RON